

HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA, SIKAP GURU DAN PELAJAR TERHADAP MASALAH PONTENG DI SEKOLAH

SUNITA BINTI HASSAN @ SHU KEN HUA



FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2014

HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA, SIKAP GURU DAN
PELAJAR TERHADAP MASALAH PONTENG DI
SEKOLAH

SUNITA BINTI HASSAN @ SHU KEN HUA

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN

FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2014

HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA, SIKAP GURU DAN
PELAJAR TERHADAP MASALAH PONTENG DI
SEKOLAH

SUNITA BINTI HASSAN @ SHU KEN HUA



FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2014

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI

TAJUK : **HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA, SIKAP GURU DAN
PELAJAR TERHADAP MASALAH PONTENG DI
SEKOLAH**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **SUNITA BINTI HASSAN @ SHU KEN HUA**

SESI PENGAJIAN : **2012-2014**

Mengaku membenarkan disertasi (Sarjana) ini disimpan di Perpustakaan Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan).

TIDAK TERHAD

(SUNITA HASSAN)

Pasir Putih, Tawau

(DR. ABDUL SAID AMBOTANG)

Universiti Malaysia Sabah

PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : SUNITA BINTI HASSAN @ SHU KEN HUA

NO. MATRIK : MT1212055T

**TAJUK : HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA, SIKAP GURU DAN
PELAJAR TERHADAP MASALAH PONTENG DI
SEKOLAH**

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN

(PENGURUSAN PENDIDIKAN)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH

PENYELIA

(DR. ABDUL SAID AMBOTANG)

Pensyarah

Fakulti Psikologi dan Pendidikan

Universiti Malaysia Sabah

Kota Kinabalu

Tarikh: 30 Mei 2014

PENGAKUAN PENYELIA

Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memenuhi kehendak tugas dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan.



Tandatangan :

Nama Penulis : DR. ABDUL SAID AMBOTANG

Tarikh : 30 MEI 2014

PENGAKUAN PELAJAR

Saya akui bahawa hasil karya ini adalah merupakan hasil kerja sendiri kecuali ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan :
Nama Penulis : SUNITA BINTI HASSAN @ SHU KEN HUA
Tarikh : 30 MEI 2014



The logo of Universiti Malaysia Sabah (UMS) is a circular emblem. It features a shield with various symbols, including a sun, a mountain, and a river. The words "UNIVERSITI MALAYSIA SABAH" are written around the top edge of the circle, and "2001" is at the bottom.



A large, semi-transparent watermark of the letters "UMS" is positioned in the center of the page. Below it, the full name of the university, "UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK", is also visible in a smaller, semi-transparent font.

DEDIKASI


Buat Ayahanda dan Bondaku,
En. Hassan @ Shu Ken Hua
Pn. Satiha Binti Lamba

Suami Tercinta
En. Harsan Bin Muhd Saleh

Puteriku Tersayang
Hanisah Binti Harsan

Adik-beradikku
En. Sudin Bin Hasan
Pn. Suriati Binti Hasan

Pensyarah-pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS



Pelajar-pelajar sekolah menengah di Daerah Tawau

Teman-teman seperjuangan yang penuh motivasi

Kalian banyak memberi dorongan dan perkongsian
Serta tabah menghadapi liku-liku
Dalam mengejar impian
Memperoleh ilmu
Demi memenuhi kegersangan minda
Juga untuk dikongsi dengan anak bangsa

Settinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.
Budi kalian tetap terpahat di sanubari.

PENGHARGAAN

Dengan lafaz suci Bismillahirahmanirrahim dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia serta izin-Nya saya dapat menyempurnakan kajian ini. Dalam ruang yang terbatas ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Abdul Said Ambotang yang merupakan penyelia kerana sudi meluangkan masa untuk memberi ilmu dan tunjuk ajar bagi disertasi yang saya lakukan ini. Banyak tunjuk ajar, bimbingan serta dorongan dan nasihat yang amat bermakna kepada diri saya dalam menyelesaikan tugas ini sejak dari peringkat awal perancangan sehingga ke peringkat akhir kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kerana telah memberi keizinan bagi saya dalam menjalankan kajian ini. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah, guru-guru dan pelajar-pelajar di daerah Tawau atas kerjasama yang diberi dalam menjalankan kajian saya ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada pentadbir sekolah serta semua sahabat guru, ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang telah terlibat dan membantu secara langsung atau tidak langsung serta memberi semangat untuk saya terus melaksanakan tugas ini. Alhamdulillah. Terima kasih dan semoga Allah membala budi kalian.

HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA, SIKAP GURU DAN PELAJAR TERHADAP MASALAH PONTENG DI SEKOLAH

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji hubungan faktor keluarga, sikap guru dan pelajar terhadap masalah ponteng di daerah Tawau, Sabah. Kajian ini melibatkan 160 orang responden yang terdiri daripada 99 orang responden lelaki dan 61 responden perempuan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Tawau. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala likert lima mata. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Peratusan, min dan sisihan piawai daripada data statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis taburan. Manakala ujian-*t* dan Anova digunakan untuk melihat perbezaan skor min faktor keluarga, sikap guru dan pelajar sekolah menengah dari aspek jantina, tingkatan, kerja bapa dan kerja ibu responden. Dan untuk melihat hubungan faktor keluarga, sikap guru dan pelajar analisis korelasi pearson digunakan. Kajian rintis telah dilaksanakan oleh pengkaji untuk melihat kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang diedarkan. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk instrumen faktor keluarga ialah 0.751, sikap guru ialah 0.777 dan untuk sikap pelajar pula ialah 0.844. Dapatkan kajian mendapat masalah ponteng di sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Tawau berada pada tahap sederhana dengan nilai skor min 3.29 dan sisihan piawai 1.042. Manakala hasil ujian korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap sangat lemah antara sikap guru dan pelajar terhadap masalah ponteng di sekolah. Manakala hasil ujian korelasi antara faktor keluarga dan ponteng sekolah menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan ($r=0.164$, $p=0.020$).

ABSTRACT

This research study the relationship between family factors, teachers and students, attitude of truancy problem among secondary students in Tawau, Sabah. This research involved 160 respondent that consist 99 male respondent and 61 female respondent in secondary school. This is quantitative research that used questionnaire with five score likert scale. The data was analysed with descriptive statistic and inferency statistic. Percentage, mean and standard deviation from descriptive statistic data to analyze the distribution. T-test and Anova is used to see the difference between mean score for family factor, teachers and students attitude from gender aspect, form and parents profession in every respondent. Pearson Correlation is used to see the relationship between family factor, teachers and student attitude. A pilot study was executed by researcher to see the validity and reliability of the questionnaire instrument. The coefficient value of Alpha Cronbach for family factor instrument is 0.751 teachers attitude is 0.777 and students attitude 0.844. The finding of the study is truancy problem in secondary school students is on a moderate level with mean score 3.29 and standard deviation 1.042. Correlation test outcome shows that there is a weak significant relation between teachers attitude and students attitude with truancy problem. The correlation test outcome shows that there is no significant correlation between family factor with truancy problem in secondary school ($r=0.164$, $p=0.20$)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

TAJUK	PERKARA	HALAMAN
BORANG STATUS PENGESAHAN DISERTASI		ii
PENGESAHAN PENYELIA		iii
MUKA DEPAN DISERTASI		iv
PENGAKUAN PENYELIA		v
PENGAKUAN PELAJAR		vi
DEDIKASI		vii
PENGHARGAAN		viii
ABSTRAK		ix
ABSTRACT		x
ISI KANDUNGAN		xi
SENARAI JADUAL		xvi
SENARAI RAJAH		xviii
SENARAI SINGKATAN		xix
BAB 1: PENDAHULUAN		
1.1 Pengenalan	1	
1.2 Latar Belakang Kajian	3	
1.3 Pernyataan Masalah	4	
1.4 Tujuan Kajian	9	
1.5 Objektif Kajian	10	
1.6 Soalan Kajian	11	
1.7 Hipotesis Kajian	11	
1.8 Kepentingan Kajian	12	
1.9 Batasan Kajian	14	
1.10 Definisi Operasional	15	
1.10.1 Hubungan	15	
1.10.2 Faktor	15	
1.10.3 Keluarga	15	
1.10.4 Sikap Guru	16	

1.10.5	Sikap Pelajar	17
1.10.6	Masalah Ponteng Sekolah	17
1.11	Kerangka Konseptual	18
1.12	Rumusan	19

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Senario Ponteng Sekolah di Malaysia dan Luar Negara	20
2.3	Faktor Sikap Ibu Bapa dan Keluarga	22
2.4	Faktor Sikap Guru	24
2.5	Faktor Sikap Pelajar	27
2.6	Teori dan Model Pengurusan Disiplin	28
2.6.1	Teori Pembelajaran	28
2.6.2	Model Pengurusan Disiplin	30
	2.6.2.1 Pendekatan Behavioris	30
	2.6.2.2 Aplikasi Teori Skinner	31
2.7	Rumusan	32

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Pemilihan Subjek Kajian	34
3.3.1	Lokasi Kajian	34
3.3.2	Populasi Kajian	34
3.3.3	Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	37
3.4.1	Bahagian A (Maklumat Responden)	39
3.4.2	Bahagian B (Faktor Keluarga), C (Sikap Guru), D (Sikap Pelajar), E (Ponteng Sekolah)	40
3.5	Kajian Rintis	41
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	43
3.7	Penyusunan dan Pemidahan Data	46
3.8	Analisis Data	47

3.8.1	Kaedah Deskriptif	47
3.8.2	Kaedah Inferensi	48
3.9	Rumusan	50

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	51
4.2	Analisis Data Deskriptif	53
4.2.1	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Jantina	53
4.2.2	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Tingkatan	54
4.2.3	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Kerja Bapa	55
4.2.4	Taburan Kekerapan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu	56
4.3	Statistik Deskriptif	57
4.3.1	Analisis Item Faktor Keluarga Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah	58
4.3.2	Analisis Item Faktor Keluarga Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah	60
4.3.3	Analisis Item Sikap Pelajar Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah	61
4.3.4	Analisis Item Ponteng Sekolah Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah	64
4.4	Statistik Inferensi	65
4.4.1	Soalan Kajian 1: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap masalah ponteng sekolah berdasarkan faktor demografi mengikut jantina	65
4.4.2	Soalan Kajian 2: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap masalah ponteng sekolah berdasarkan faktor demografi mengikut tingkatan	66
4.4.3	Soalan Kajian 3: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap masalah ponteng	

4.4.4 Soalan Kajian 4: Adakah terdapat perbezaan skor min yang signifikan terhadap masalah ponteng sekolah berdasarkan faktor demografi mengikut kerja ibu	68
4.4.5 Soalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan yang signifikan faktor keluarga terhadap masalah ponteng di sekolah	69
4.4.6 Soalan Kajian 6: Adakah terdapat hubungan yang signifikan sikap guru terhadap masalah ponteng di sekolah	70
4.4.7 Soalan Kajian 7: Adakah terdapat hubungan yang signifikan sikap pelajar terhadap masalah ponteng di sekolah	
4.5 Rumusan	74

BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	75
5.2 Ringkasan Kajian	75
5.2.1 Profil Responden	76
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	77
5.3.1 Perbezaan Skor Min yang Signifikan Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah Berdasarkan Faktor Demografi Mengikut Jantina	77
5.3.2 Perbezaan Skor Min yang Signifikan Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah Berdasarkan Faktor Demografi Mengikut Tingkatan	79
5.3.3 Perbezaan Skor Min yang Signifikan Terhadap	

Masalah Ponteng di Sekolah Berdasarkan Faktor Demografi Mengikut Kerja Bapa	80
5.3.4 Perbezaan Skor Min yang Signifikan Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah Berdasarkan Faktor Demografi Mengikut Kerja Ibu	81
 5.3.5 Hubungan Faktor Keluarga dengan Masalah Ponteng di Sekolah	83
5.3.6 Hubungan Sikap Guru dengan Masalah Ponteng di Sekolah	86
5.3.7 Hubungan Sikap Pelajar dengan Masalah Ponteng di Sekolah	91
5.4 IMPLIKASI DAN CADANGAN	96
5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	98
5.6 RUMUSAN	99
 BIBLIOGRAFI	101
LAMPIRAN	
Lampiran A : Soal selidik	
Lampiran B : <i>Reliability Statistics (Analisis Data SPSS)</i>	
Lampiran C : Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Rumusan Penentuan Saiz Sampel	36
Jadual 3.2 Taburan Sampel Bagi Setiap Sekolah	36
Jadual 3.3 Taburan Soal Selidik	38
Jadual 3.4 Maklumat Latar Belakang Responden	39
Jadual 3.5 Pembahagian Item Soalan Mengikut Hubungan Faktor Keluarga, Sikap Guru dan pelajar terhadap Masalah Ponteng Sekolah	40
Jadual 3.6 Hasil Analisis Alpha Cronbach Bagi Kebolehpercayaan Instrumen	43
Jadual 3.7 Jadual Proses Penyempurnaan Tajuk Kajian	43
Jadual 3.8 Analisis Tahap Mengikut Min	47
Jadual 3.9 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	48
Jadual 3.10 Alat Analisis Data	49
Jadual 4.1 Skor Min Terkumpul (SMT)	52
Jadual 4.2 Interpretasi Berdasarkan Skor Min Terkumpul (SMT)	53
Jadual 4.3 Profil Responden Mengikut Jantina	53
Jadual 4.4 Profil Responden Mengikut Kategori Tingkatan	54
Jadual 4.5 Profil Responden Mengikut Kerja Bapa	55
Jadual 4.6 Profil Responden Mengikut Kerja Ibu	57
Jadual 4.7 Analisis Item Faktor Keluarga	58
Jadual 4.8 Analisis Min Item Sikap Guru	60
Jadual 4.9 Analisis Min Sikap Pelajar	61
Jadual 4.10 Analisis Item Ponteng Sekolah	64
Jadual 4.11 Analisis Skor Min dan Ujian-t Berdasarkan Jantina	65
Jadual 4.12 Analisis Skor Min dan Ujian-t Berdasarkan Tingkatan	66

Jadual 4.13	Analisis Skor Min dan Ujian Anova Berdasarkan Kerja Bapa	67
Jadual 4.14	Analisis Skor Min dan Ujian Anova Berdasarkan Kerja Ibu	68
Jadual 4.15	Analisis Hubungan Faktor Keluarga, Sikap Guru dan Pelajar Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah	69
Jadual 4.16	Analisis Hubungan Faktor Keluarga Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah	70
Jadual 4.17	Analisis Hubungan Sikap Guru Terhadap Masalah Ponteng Sekolah	71
Jadual 4.18	Analisis Hubungan Sikap Pelajar Terhadap Masalah Ponteng Sekolah	72
Jadual 4.19	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	73
Jadual 4.20	Rumusan Keputusan Analisis Hipotesis Kajian	73



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	18
Rajah 2.1	Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura)	30
Rajah 3.1	Prosedur Pelaksanaan Kajian	45
Rajah 3.1	Prosedur Pelaksanaan Kajian	45
Rajah 4.1	Profil Responden Mengikut Jantina	54
Rajah 4.2	Profil Responden Mengikut Tingkatan	55
Rajah 4.3	Profil Responden Mengikut Kerja Bapa	56
Rajah 4.4	Profil Responden Mengikut Kerja Ibu	57



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
BBM	Bahan Bantu Mengajar
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>



BAB 1

PENDAHULUAN


1.1 Pengenalan

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang sangat penting. Pendidikan yang ditawarkan merupakan bentuk formal yang boleh membentuk pemikiran, tingkah laku dan sikap murid-murid bagi melahirkan generasi yang seimbang baik dari segi mental dan rohani (Mohd Salleh Lebar, 1997). Selain itu, sekolah juga akan berperanan membentuk pola budaya generasi pada masa akan datang. Ini kerana sekolah merupakan wadah pendidikan yang sentiasa berusaha untuk memperkembang potensi individu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual serta dapat memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dan negara. Selain itu, semua pelaksanaan pendidikan yang mencakupi bidang kurikulum, kokurikulum, khidmat tolong bantu, profesionalisme guru, pengurusan tenaga kerja, kebijakan disiplin pelajar serta yang berkaitan adalah berpusat kepada institusi pendidikan.

Namun, dunia pendidikan masa kini melalui pelbagai dugaan dan cabaran dalam merealisasikan matlamat dan objektif Kementerian Pelajaran Malaysia. Salah satu masalah yang kerap kali dibincangkan oleh pelbagai pihak ialah masalah ponteng dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah. Adalah menjadi satu kemestian dan tanggungjawab bagi sesebuah sekolah untuk memastikan semua pelajar mempunyai disiplin yang tinggi bagi memajukan diri mereka dari sudut kurikulum dan kokurikulum. Jika tahap disiplin pelajar adalah rendah, pelajar akan berhadapan dengan pelbagai masalah dan menyebabkan diri seseorang pelajar cenderung untuk terlibat dengan masalah-masalah sosial yang lebih besar dan rumit.

Keberkesanan sesebuah sekolah banyak bergantung kepada tahap disiplin pelajar di sekolahnya. Ini bermaksud disiplin pelajar akan mempengaruhi pencapaian dan juga imej sesebuah sekolah. Disiplin pelajar merosot boleh merangkumi semua aspek perlanggaran peraturan sekolah (Disiplin Sekolah) dari segi salah laku pelajar di sekolah. Terdapat Surat Pekeliling dan Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar Dan Guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988) yang mana telah menggariskan dengan jelas setiap bahagian atau kategori disiplin pelajar di semua sekolah di negara ini.

Dalam tinjauan kajian ini, pengkaji akan memberikan tumpuan kepada hubungan faktor keluarga, sikap guru dan pelajar terhadap masalah ponteng di sekolah. Tinjauan ini dilakukan kerana kurangnya kesedaran kepada punca dominan iaitu faktor keluarga, sikap guru dan pelajar yang menyumbang kepada gejala ponteng terus berlaku di sesebuah sekolah. Masalah ponteng sekolah akan dapat diatasi jika faktor-faktor penyebab masalah ponteng sekolah terus berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Tawau.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Penyelidikan akan melihat kepada faktor keluarga, sikap guru dan sikap pelajar sendiri yang menyumbang kepada penglibatan pelajar dalam masalah ponteng sekolah. Bagi faktor keluarga, penyelidik akan melihat punca daripada ibu bapa dan adik beradik pelajar manakala faktor guru ialah melihat kepada hubungan faktor sikap guru dan hubungan interpersonal dengan pelajar. Bagi faktor sikap pelajar, penyelidik akan melihat hubungan faktor diri pelajar dengan penglibatan pelajar dengan masalah ponteng di sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Masalah ponteng sekolah merupakan masalah yang telah lama berakar umbi dalam dunia pendidikan di negara ini. Ramai dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah khususnya pelajar yang berada di sekolah menengah yang tidak kisah jika tidak datang ke sekolah untuk mengikuti sesi pembelajaran. Jika masalah ini tidak dikaji dan diberikan perhatian, maka masalah ini akan membawa kepada kepincangan untuk mencapai kecemerlangan pendidikan di sekolah.

Secara umum ponteng sekolah ialah tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan di luar pengetahuan ibu bapa atau penjaga. Walaupun begitu ada segelintir pelajar sekolah yang tidak hadir tetapi dalam pengetahuan ibu bapa. Ponteng juga sering dikaitkan dengan isu yang menampilkan pelajar yang tidak berdisiplin dan bermoral rendah. Masalah ponteng sekolah adalah sejenis penyakit lama yang telah berakar umbi semenjak masyarakat kita mengenal alam persekolahan dan yang menyediakan masalah ini masih lagi menjadi masalah utama dalam dunia pendidikan di Malaysia.

Justeru, pelbagai persoalan telah timbul berkaitan dengan punca dan sebab masalah ponteng tidak dapat diselesaikan sehingga hari ini. Dalam kekaburuan untuk mengenalpasti punca sebenar berlakunya masalah ini, terdapat beberapa faktor yang boleh dihubungkan dengan penyebab masalah ini terus berlaku. Kajian ini menjurus kepada hubungan faktor keluarga, sikap guru dan pelajar dalam mempengaruhi masalah ponteng sekolah. Jika masalah ini tidak dibendung dengan kaedah yang betul dan konsisten, ini akan memberikan kesan buruk kepada sistem pendidikan negara kita.

Antara kesan-kesan yang akan muncul apabila masalah ponteng tidak diberikan perhatian ialah pelajar terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat, merugikan diri sendiri, membazirkan wang rakyat kerana banyak program-program yang dijalankan

untuk mengurangkan gejala ponteng sekolah dan perkara-perkara yang membawa kesan negatif terhadap diri sendiri, agama, bangsa dan negara.

Gejala ponteng ni sangat mengusarkan ramai pihak. Terdapat beberapa punca yang mendorong gejala ini terus berlaku di sekolah. Antaranya ialah faktor keluarga, sikap guru, sikap pelajar itu sendiri, pengaruh sekeliling, pengaruh rakan sebaya dan banyak lagi. Namun yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam ialah kecenderungan faktor keluarga, sikap guru dan pelajar dalam menyumbang kepada masalah ponteng sekolah.

Ini kerana, sikap negatif ini jelas menggambarkan bahawa tingkah laku bermasalah boleh menyebabkan ketidakseimbangan di antara emosi dan aktiviti kehidupan sehari-hari individu. Tingkah laku bermasalah juga memberi kesan yang buruk dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hatta, pengkaji amat berminat untuk mengkaji hubungan faktor keluarga, sikap guru dan pelajar terhadap masalah ponteng sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini, pernyataan masalah kajian yang akan dibincangkan adalah tentang hubungan faktor keluarga, sikap guru dan pelajar terhadap masalah ponteng sekolah. Menurut Yahya Don *et.al*, (2007), menyatakan bahawa antara lain pendidikan di Malaysia adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan negara dalam memajukan kehidupan sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan. Keperluan ini menjadi teras dalam memastikan pelajar-pelajar sekolah menjadi pemacu pembangunan negara. Namun, masalah ponteng sekolah merupakan masalah yang sentiasa menjadi masalah disiplin utama di hampir semua sekolah di negara ini.